

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh Kementerian Pendidikan sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembaharuan undang-undang merupakan suatu tindakan membaharui undang-undang yang telah lapuk dan tidak lagi relevan. Perkara ini dilaksanakan melalui penelitian terhadap perundangan sedia ada di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] dan perundangan subsidiari yang digubal di bawah Akta Pelajaran 1961. Buat masa ini, undang-undang sedia ada masih relevan untuk dirujuk.